



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DANA INOVASI SOSIAL (DIS)

TAHUN 2026

**Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Januari 2026**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Latar Belakang	2
BAHAGIAN 2	3
2.1 Skop Dana	3
2.2 Syarat dan Kriteria Permohonan	4
2.3 Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan	8
BAHAGIAN 3	10
3.1 Penilaian di Peringkat Institusi	10
3.2 Penilaian Permohonan di Peringkat KPT	12
BAHAGIAN 4	13
4.1 Pemantauan Projek	13
4.2 Penentuan Prestasi Projek	13
4.3 Projek Tidak Mencapai Objektif	15
4.4 Pengesahan Status Projek	15
BAHAGIAN 5	17
5.1 Kod Perbelanjaan	17
5.2 Penggunaan Dana	19
BAHAGIAN 6	20
6.1 Pemakluman Keputusan	20
6.2 Dokumen Perjanjian	21
6.3 Pematuhan	21
BAHAGIAN 7	22
7.1 Peranan dan Tanggungjawab PPP/PPI	22
7.2 Peranan dan Tanggungjawab Perusahaan Sosial (SE)	24
7.3 Peranan dan Tanggungjawab Ketua Penyelidik	24
LAMPIRAN	i
Senarai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	i
Carta Alir Permohonan	ix
(Borang Permohonan bagi Dana Inovasi Sosial)	x

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 Tujuan

- 1.1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai pelaksanaan Dana Inovasi Sosial (DIS) kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang tersenarai (Lampiran A) bagi melaksanakan projek berorientasikan sosial yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat.
- 1.1.2 Pelaksanaan dana ini adalah selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Strategi A10.3 - Melipatgandakan Penyertaan Syarikat dalam Perniagaan Inklusif serta Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (*MySTIE-Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy*) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs-*Sustainable Development Goals*).
- 1.1.3 Projek yang dicadangkan hendaklah menjurus kepada matlamat sosio-ekonomi dan mempunyai model perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan serta boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek berikut:
 - (a) peningkatan produktiviti; atau/dan
 - (b) peningkatan pendapatan komuniti terlibat; atau/dan
 - (c) pewujudan peluang pekerjaan baharu; atau/dan
 - (d) kelestarian alam sekitar.

1.2 Latar Belakang

1.2.1 Selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Strategi B2 iaitu melonjakkan kecemerlangan pendidikan tinggi dalam menggalakkan inovasi sosial dan penyelidikan berkaitan pembangunan masyarakat saksama, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Dana Inovasi Sosial (DIS).

- (a) **Inovasi Sosial** merujuk kepada idea, proses, atau penyelesaian baharu yang memenuhi keperluan sosial dengan lebih berkesan, cekap dan mampan melalui perusahaan sosial (SE); dan
- (b) Objektif utama dana ini adalah untuk menggalakkan inovasi dan projek sosial yang menyokong pembangunan masyarakat saksama, selaras dengan Lonjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT)(2015-2025). Sebagai peneraju dalam bidang penyelidikan dan pendidikan, institusi pendidikan tinggi (IPT) memainkan peranan sebagai penyelesai masalah kepada komuniti.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

2.1 Skop Dana

2.1.1 Skop Inovasi Sosial adalah seperti berikut:

- (a) Kerjasama strategik atau perkongsian pintar antara penyelidik dan perusahaan sosial (SE) yang telah dikenal pasti untuk menambah nilai melalui kaedah inovasi;
- (b) Pembiayaan dana ini boleh digunakan sebagai penyelesaian inovatif bagi kesinambungan SE yang berkaitan;
- (c) Melibatkan pemindahan pengetahuan atau teknologi hasil penyelidikan terdahulu (*previous knowledge or technology transfer*) untuk membantu dan menambah baik SE bagi meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi komuniti;
- (d) Mesti memperoleh *Letter of Intent* (LOI) daripada pihak SE yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Pernyataan masalah SE yang ingin ditambah baik;
 - ii. Peranan, penglibatan dan sumbangan penyelidik dan SE dalam projek;
 - iii. Impak kepada penyelidik, SE, dan komuniti sasaran;
 - iv. Impak kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance*–ESG); dan
 - v. Perkara-perkara lain yang berkaitan.

2.1.2 Skop Inovasi Sosial perlu melibatkan pembudayaan masyarakat MADANI (*Enculturation of MADANI Society*) yang merangkumi salah satu daripada teras berikut:

- (a) Nilai hormat;
- (b) Kesejahteraan;
- (c) Kesaksamaan;
- (d) Kepelbagaian budaya;
- (e) Tradisi keagamaan; dan
- (f) Sejarah negara.

2.1.3 Permohonan projek perlu merangkumi matlamat pembangunan mampan (SDGs – *Sustainable Development Goals*) seperti berikut:

- (a) Pendidikan;
- (b) Pembangunan;
- (c) Komuniti;
- (d) Alam sekitar dan biodiversiti;
- (e) Kebudayaan, kesenian dan pelancongan;
- (f) Pertanian dan perhutanan; dan
- (g) Air dan makanan

2.2 Syarat dan Kriteria Permohonan

2.2.1 Inovasi Sosial

- (a) DIS dibuka kepada semua penyelidik yang telah mempunyai hasil penyelidikan (penyelidikan telah selesai

100% dan disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK;

(b) Dilaksanakan oleh IPT yang tersenarai (Lampiran A) bersama SE;

(c) Perusahaan sosial (SE) hendaklah mendapat penarafan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

[\[https://www.kuskop.gov.my/PerusahaanSosial/index.ph.\]](https://www.kuskop.gov.my/PerusahaanSosial/index.ph.)

(d) Permohonan DIS terbuka kepada model seperti berikut:

i) Model Perintis

- Terbuka kepada perusahaan sosial (SE) yang diberi penarafan Tunas Perusahaan Sosial (*Aspiring SE*) atau Perusahaan Sosial Asas (*Basic SE-SE.B*) oleh KUSKOP.
- Siling peruntukan sehingga RM150,000.00.
- Memenuhi kriteria penarafan Tunas Perusahaan Sosial (*Aspiring SE*) atau Perusahaan Sosial Asas (*Basic SE-SE.B*) oleh KUSKOP.

ii) Model Impak Lestari

- Terbuka kepada perusahaan sosial (SE) yang diberi penarafan Perusahaan Sosial Asas (*Basic SE-SE.B*) atau Perusahaan Sosial Diakreditasi (*Accredited SE-SE.AC*) oleh KUSKOP.
- Siling peruntukan sehingga RM250,000.00.
- Memenuhi kriteria penarafan Perusahaan Sosial Asas (*Basic SE-SE.B*) atau Perusahaan Sosial Diakreditasi (*Accredited SE-SE.AC*) oleh KUSKOP.

- (e) Setiap SE hanya boleh memohon satu (1) projek sahaja di bawah dana ini;
- (f) Keutamaan kepada SE yang tidak mendapat dana/peruntukan lain daripada Kementerian/Agensi kerajaan;
- (g) Tempoh masa pelaksanaan projek **tidak melebihi 12 bulan**;
- (h) Sekiranya penyelidik mendapati projek yang dilaksanakan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan, penyelidik perlu memohon pelanjutan masa kepada PPP/PPI masing-masing dengan mengemukakan justifikasi untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan; dan
- (i) Tempoh maksimum pelanjutan adalah enam (6) bulan bagi projek yang berdurasi 12 bulan.
 - i) Pelanjutan tempoh projek **kurang** tiga (3) bulan (pelanjutan kali pertama) perlu dinilai dan diluluskan oleh PPP/PPI serta dimaklumkan kepada KPT;
 - ii) Pelanjutan kali kedua melebihi tiga (3) bulan perlu dinilai oleh PPP/PPI dan seterusnya dikemukakan kepada KPT untuk kelulusan; dan
 - iii) Penyelidik juga perlu mengemukakan persetujuan bertulis daripada pihak SE bagi permohonan pelanjutan projek.

2.2.1.1 Komitmen dan Mekanisme Pembiayaan Projek DIS

- (a) DIS merupakan geran pepadanan untuk projek inovasi sosial;
- (b) Nisbah peratus pecahan komitmen antara DIS dan SE adalah 95% (pembiayaan geran DIS) dan 5% pembiayaan tunai dari SE; dan

- (c) Pembiayaan secara sumbangan bukan tunai (*in-kind*) adalah tidak dibenarkan.

2.2.2 Syarat umum pemohon (Ketua Projek)

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Terbuka kepada semua penyelidik bertaraf tetap atau kontrak di IPT yang tersenarai (Lampiran A);
- (c) Tempoh perkhidmatan Ketua Projek hendaklah berbaki sekurang-kurangnya 24 bulan pada tarikh projek bermula;
- (d) Mempunyai kepakaran, kemahiran dan pengetahuan dalam projek yang dimohon;
- (e) Bukan dalam tempoh cuti belajar/sabatikal/menyambung pendidikan/latihan industri atau yang setaraf dengannya;
- (f) Tidak mempunyai sebarang konflik berkepentingan (*conflict of interest*) dalam SE yang terlibat; dan
- (g) Mengetuai hanya satu projek dalam satu-satu masa.

2.2.3 Peruntukan yang layak dimohon

- (a) Perolehan harta modal seperti mesin dan peralatan (pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui dana ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh institusi dan entiti);
- (b) Bayaran upah pembantu penyelidik adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh institusi masing-masing;
- (c) Perolehan bahan mentah untuk projek;
- (d) Kos overhead seperti pembungkusan, pengiklanan dan pemasaran;
- (e) Penganjuran latihan/bengkel;

- (f) Bayaran sewaan;
- (g) Elaun gantian hilang pendapatan bagi peserta sahaja;
- (h) Tuntutan perjalanan (kerja lapangan atau kutipan data dan lain-lain aktiviti yang berkaitan); dan
- (i) Kos-kos lain tertakluk kepada kelulusan KPT.

2.2.4 Sebarang pindahan vot peruntukan hanya **dibenarkan sekali sahaja** sepanjang tempoh projek, tertakluk kepada kelulusan PPP/PPI institusi masing-masing dan perlu dimaklumkan kepada Sekretariat Dana DIS, KPT.

2.3 Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan

2.3.1 Semua permohonan Dana Inovasi Sosial perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) institusi masing-masing bagi universiti awam dan swasta, dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK bagi Politeknik dan Kolej Komuniti.

2.3.2 Pemohon hendaklah mengemukakan kertas cadangan dan slaid pembentangan yang ringkas dan padat berdasarkan format yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Tujuan projek;
- b) Justifikasi projek;
- c) Perusahaan sosial (SE) yang terlibat;
- d) Komuniti sasaran;
- e) Impak kepada komuniti sasaran (merangkumi impak sosial dan ekonomi); alam sekitar dan kerajaan (sekiranya ada);
- f) Perincian peruntukan;
- g) Perancangan pelaksanaan dan carta perbatuan;

- h) Maklumat Ketua Projek dan ahli pasukan yang bertanggungjawab; dan
- i) Lampiran *Letter of Intent* (LOI) antara penyelidik di institusi dengan SE.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 Penilaian di Peringkat Institusi

3.1.1 Penilaian permohonan di peringkat institusi melibatkan dua (2) peringkat iaitu:

- a) Peringkat 1: Saringan dan penilaian kertas cadangan projek.
 - i. Penilaian permohonan dilaksanakan di peringkat institusi masing-masing;
 - ii. Penilaian permohonan dilaksanakan di peringkat Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK bagi permohonan Politeknik dan Kolej Komuniti;
 - iii. Penilaian IPT - Ahli panel penilai mestilah pakar dalam bidang yang dilantik oleh institusi dan bertaraf Profesor atau Profesor Madya;
 - iv. Penilaian Politeknik dan Kolej Komuniti – Ahli panel mempunyai kelayakan minimum kelulusan Ijazah Sarjana;
 - v. Permohonan dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai; dan
 - vi. Pihak institusi boleh melantik seorang Ketua Panel bagi setiap sesi atau permohonan.
- b) Peringkat 2: Sesi Pembentangan bagi kertas cadangan yang berjaya di peringkat 1
 - i. Permohonan yang telah melalui proses saringan seterusnya akan dinilai melalui pembentangan kertas cadangan di institusi masing-masing;

- ii. Pemohon dan pihak SE yang terlibat **diwajibkan** hadir ke sesi pembentangan; dan
- iii. Senarai permohonan yang disyorkan di peringkat institusi akan dimajukan kepada KPT untuk penilaian dan perakuan selanjutnya.

3.1.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a) Pernyataan permasalahan yang relevan dan jelas;
- b) Tidak bersifat penyelidikan fundamental;
- c) Kesesuaian SE yang terlibat dalam pelaksanaan projek;
- d) Kerjasama antara IPT dan SE dapat memberikan nilai tambah melalui perkongsian kepakaran, sumber dan rangkaian;
- e) Memenuhi keperluan sosio-ekonomi dan berimpak tinggi;
- f) Dapat diadaptasi dengan mudah; dan
- g) Komponen kos yang jelas dengan anggaran peruntukan yang munasabah dan bersesuaian dengan matlamat projek.

3.1.3 Tanggungjawab Pihak Institusi

- a) Melantik Ahli Panel Penilai pakar bidang yang bertaraf Profesor atau Profesor Madya;
- b) Memastikan sekurang-kurangnya dua (2) Ahli Panel Penilai untuk setiap permohonan;
- c) Melantik seorang Ketua Panel bagi setiap sesi atau permohonan; dan
- d) Mengemukakan senarai permohonan yang disyorkan untuk penilaian dan kelulusan di peringkat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu.

3.2 Penilaian Permohonan di Peringkat KPT

- 3.2.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Induk Penilaian KPT.
- 3.2.2 Permohonan yang berjaya disenarai pendek oleh KPT perlu melalui proses penilaian bersama panel DIS yang melibatkan pembentangan projek oleh penyelidik dan perusahaan sosial (SE).
- 3.2.3 Jawatankuasa ini akan mencadangkan perakuan bagi projek-projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 Pemantauan Projek

4.1.1 Pemantauan projek akan dijalankan oleh Pusat Pengurusan Projek (PPP) bagi IPT dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) bagi Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dari tarikh surat tawaran dikeluarkan sehingga projek selesai. Pemantauan dibuat ke atas:

- (a) kemajuan pelaksanaan projek supaya berjalan lancar dan berdasarkan perancangan carta perbatuan;
- (b) pencapaian projek supaya mencapai impak seperti yang ditetapkan;
- (c) laporan interim selepas enam (6) bulan projek bermula dan pembentangan laporan tersebut kepada PPP/PPI.

4.1.2 Laporan akhir perlu dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas projek tamat dan sesi pembentangan laporan akhir akan diadakan di peringkat institusi / KPT.

4.2 Penentuan Prestasi Projek

4.2.1 Jadual prestasi pelaksanaan projek Inovasi Sosial adalah seperti berikut:

Tempoh projek telah berjalan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Peratus Belanja (%)	25%	50%	100%
Carta Perbatuan (%)	10-20%	40-60%	80-100%

4.2.2 Prestasi dan tahap kemajuan projek bagi setiap fasa pemantauan akan dinilai dan ditentukan dengan status seperti berikut:

BIL.	KEPUTUSAN PEMANTAUAN	STATUS LAPORAN
1.	Baik <i>(Progressing well)</i>	Pencapaian melebihi prestasi minimum untuk kesemua kriteria berikut: • Carta Perbatuan • Kewangan (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan dan kewangan projek seperti yang dirancang)
2.	Memuaskan <i>(On schedule)</i>	Pencapaian prestasi minimum untuk kesemua kriteria berikut: • Carta Perbatuan • Kewangan (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan dan kewangan projek seperti yang dirancang)
3.	Dalam Perhatian <i>(Needs closer monitoring)</i>	Tidak mencapai prestasi minimum salah satu kriteria berikut: • Carta Perbatuan • Kewangan (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan dan kewangan projek seperti yang dirancang)

4.3 Projek Tidak Mencapai Objektif

4.3.1 Ketua Projek bagi projek yang ditamatkan, bermasalah atau gagal mencapai hasil penyelidikan yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan oleh pihak Institusi seperti berikut:

- a) Ketua Projek dan ahli pasukan tidak dibenarkan membuat permohonan geran baharu dan tidak boleh menjadi Ketua Projek baharu sehingga penyelidikan yang bermasalah diselesaikan terlebih dahulu; atau
- b) Dikenakan tindakan seperti yang termaktub dalam perjanjian, sekiranya didapati berlakunya pelanggaran terhadap perjanjian yang ditandatangani.

4.4 Pengesahan Status Projek

4.4.1 KPT akan mengadakan bengkel pembentangan projek dan mengeluarkan surat pengesahan status projek selepas penerimaan laporan akhir.

4.4.2 PPP, PPI dan penyelidik diwajibkan hadir untuk membentangkan hasil projek di bengkel pemantauan.

4.4.3 Status projek akan diklasifikasikan seperti berikut:

a) **Tamat (Baik)**

Projek telah mencapai semua objektif yang ditetapkan dengan hasil yang memenuhi atau melebihi jangkaan.

b) **Tamat (Memuaskan)**

Projek telah mencapai sebahagian objektif yang ditetapkan atau terdapat elemen yang tidak menepati skop asal.

c) **Tamat (Gagal)**

Projek tidak mencapai objektif yang ditetapkan dan tidak berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- 4.4.4 Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 Kod Perbelanjaan

5.1.1 Perbelanjaan yang dibenarkan untuk pembelian, pembayaran atau perolehan di bawah geran Dana Inovasi Sosial hendaklah memenuhi kod perbelanjaan seperti berikut:-

- i. **Vot 11000** - Upah Pembantu Penyelidik
Pelantikan Pembantu Penyelidik adalah dibenarkan dengan upah maksimum RM3,000.00 sebulan (termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pelantikan Pembantu Penyelidik adalah dihadkan kepada dua (2) orang. Kadar bayaran mestilah bersesuaian dengan skop tugas.
- ii. **Vot 21000** - Perjalanan dan Pengangkutan Perbelanjaan
merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak melebihi 10% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.
- iii. **Vot 24000** - Sewaan
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.
- iv. **Vot 27000** - Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.

v. **Vot 29000** - Perkhidmatan Ikhtisas

- (a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, saguhati kepada peserta, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Justifikasi permohonan bagi setiap butiran dan sebut harga (mengikut kesesuaian butiran) hendaklah disertakan;
- (b) Pembayaran bagi memfailkan harta intelek dibenarkan. Kadar yang dimohon mestilah berpadanan dengan jenis harta intelek yang ditetapkan sebagai output/hasil penyelidikan. Manakala bayaran berkala hendaklah ditanggung oleh pihak institusi/SE; dan
- (c) Pembayaran khidmat profesional kepada pihak kolaborator yang terlibat dalam projek dan kajian adalah **tidak dibenarkan**.

vi. **Vot 35000** - Aksesori dan Peralatan

- (a) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan;
- (b) Pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui geran ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh universiti dan SE/entiti yang terlibat; dan
- (c) Jumlah perbelanjaan untuk pembelian aksesori dan peralatan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.

5.2 Penggunaan Dana

- 5.2.1 Segala perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi dan institusi.
- 5.2.2 Pemohon tidak dibenarkan menggunakan peruntukan dana bagi pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek.
- 5.1.1 Penggunaan peruntukan dana bagi caj Pengurusan/Pentadbiran Pengurusan/Pentadbiran **adalah tidak dibenarkan.**
- 5.1.2 Sekiranya projek penyelidikan telah tamat atau tidak aktif, pihak institusi hendaklah memastikan baki peruntukan projek penyelidikan tersebut tidak digunakan dan disimpan dalam akaun berasingan sehingga mendapat pemakluman rasmi daripada KPT.
- 5.1.3 Pihak institusi juga tidak dibenarkan untuk menggunakan baki peruntukan tersebut bagi menampung lebihan perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu projek penyelidikan yang lain.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 Pemakluman Keputusan

- 6.1.1 Pemakluman keputusan akan dihantar kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dan Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti serta disalin kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK.
- 6.1.2 Dana akan disalurkan kepada Bendahari/ Kewangan institusi berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam surat pemakluman keputusan.
- 6.1.3 Keputusan adalah muktamad.
- 6.1.4 Pihak institusi hendaklah memaklumkan keputusan kepada pemohon dan penawaran kepada pihak SE yang terlibat untuk penyediaan dokumen perjanjian (Memorandum of Agreement - MoA).

6.2 Dokumen Perjanjian

- 6.2.1 Penyediaan dokumen perjanjian DIS adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab institusi masing-masing.
- 6.2.2 Perjanjian ini akan dimeterai oleh institusi dengan perusahaan sosial (SE) terlibat bagi memastikan projek yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- 6.2.3 Pihak institusi hendaklah mengemukakan salinan dokumen perjanjian (MoA) kepada KPT sebelum sesi pemantauan projek.

6.3 Pematuhan

- 6.3.1 IPT yang telah menerima geran peruntukan daripada KPT hendaklah mematuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan termasuk mematuhi tempoh penyempurnaan projek yang telah diluluskan.
- 6.3.2 Peruntukan yang telah diluluskan dan disalurkan kepada IPT hendaklah digunakan untuk tujuan melaksanakan projek yang telah diluluskan oleh KPT sahaja.
- 6.3.3 SE perlu menyalurkan komitmen awal (20%) daripada pembiayaan tunai SE (5%) kepada PPP/PPI sebagai syarat untuk surat tawaran dikeluarkan.
- 6.3.4 Baki pembiayaan SE perlu disalurkan mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui dalam perjanjian. SE perlu menyempurnakan keseluruhan pembiayaan tunai sebelum projek tamat.

BAHAGIAN 7

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bahagian ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan DIS. Ini termasuklah Pusat Pengurusan Projek atau PPP/PPI, perusahaan sosial (SE), dan penyelidik. Setiap pihak yang terlibat perlu memainkan fungsi masing-masing agar pelaksanaan projek di bawah DIS dapat mencapai objektif.

7.1 Peranan dan Tanggungjawab PPP/PPI

- (a) Memastikan permohonan yang lengkap dikemukakan kepada KPT;
- (b) Memastikan penyelidik dan SE memenuhi kriteria permohonan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2.1 dan 2.2 di Bahagian 2 dalam Garis Panduan Pelaksanaan DIS;
- (c) Mewujudkan satu (1) kumpulan panel penilai dalaman mengikut kriteria yang ditetapkan oleh KPT seperti yang berikut:
 - i. Mempunyai kelayakan akademik Ijazah Doktor Falsafah (PhD);
 - ii. Mempunyai pengalaman bekerja di industri sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan/atau mempunyai pengalaman melaksanakan projek kerjasama dengan industri; atau
 - iii. Merupakan pakar dari industri dalam bidang berkaitan dengan projek.
- (d) Menguruskan penyediaan MoA projek. Antara perkara yang perlu dimasukkan di dalam MoA adalah seperti berikut:
 - i. Pecahan dan tempoh bayaran komitmen SE dinyatakan secara jelas di dalam MoA; dan
 - ii. Bayaran komitmen oleh SE telah diselesaikan sepenuhnya sebelum projek tamat.

- (e) Mempertimbang dan membuat keputusan bagi permohonan lanjutan projek kali pertama sehingga maksimum tiga (3) bulan dan dikemukakan kepada KPT;
- (f) Mempertimbang dan membuat keputusan bagi permohonan perubahan atau pindahan vot mengikut syarat iaitu **dibenarkan sekali sahaja** sepanjang tempoh projek dan perlu dimaklumkan kepada Sekretariat Dana DIS, KPT;
- (g) Mengeluarkan surat amaran/tunjuk sebab bagi kes-kes di perkara 4.3 Bahagian 4 kepada ketua penyelidik dan SE yang terlibat sebagai peringatan sebelum mengesyorkan kepada KPT untuk mengenakan tindakan penalti;
- (h) Sekiranya terdapat isu yang timbul semasa pelaksanaan projek, PPP/PPI perlu memaklumkan status projek kepada KPT dengan kadar segera dan mengemukakan perancangan penyelesaian yang akan diambil sebelum mengambil sebarang tindakan.
- (i) Menguruskan perkara berkenaan harta intelek (jika berkaitan). Klausula berkaitan harta intelek (IP) perlu diperincikan secara jelas dalam MoA projek dan pembahagian pemilikan IP adalah tertakluk kepada persetujuan di antara IPT dan SE dengan mengambil kira kepentingan kerajaan dan IPT masing-masing;
- (j) PPP/PPI bertanggungjawab menguruskan perkara berkaitan aset/inventori serta menyatakannya dalam MoA. Sekiranya hasil projek melibatkan aset/inventori, PPP/PPI perlu merekodkan kedudukan aset tersebut; dan
- (k) Membuat pemantauan projek termasuk mengadakan lawatan tapak serta menghadiri mesyuarat berkaitan projek dan bengkel pemantauan projek.

7.2 Peranan dan Tanggungjawab Perusahaan Sosial (SE)

- (a) Menghadiri sesi pembentangan projek semasa saringan dan penilaian projek;
- (b) Memberikan komitmen pembiayaan sebagaimana yang dipersetujui dalam Nota Komitmen SE dan MoA;
- (c) Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk akses dan lawatan tapak ke fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada penyelidik, PPP/PPI dan KPT;
- (d) Mengambil bahagian dalam kaji selidik oleh KPT atau pihak tertentu yang dilantik untuk kajian produktiviti atau pengumpulan data berkaitan projek;
- (e) Memberikan sumbangan selain daripada komitmen kewangan kepada projek seperti mengambil pelajar untuk latihan industri, memberikan latihan kepada komuniti setempat dan menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti yang terlibat. Klausula berkenaan sumbangan perusahaan sosial (SE) perlu dinyatakan dalam MoA projek;
- (f) Menghadiri bengkel pemantauan projek yang diadakan oleh KPT; dan
- (g) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada penyelidik dan KPT dengan mengisi Borang *Non-Disclosure Agreement*.

7.3 Peranan dan Tanggungjawab Ketua Penyelidik

- (a) Memastikan maklumat permohonan dan kertas cadangan berkaitan penyelidikan diisi dengan lengkap;
- (b) Menyelaras tugas ahli penyelidik dan memastikan peranan setiap ahli dilaksanakan dengan berkesan;
- (c) Mengurus perbelanjaan projek mengikut kelulusan, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan;

- (d) Bertanggungjawab dan memastikan akauntabiliti ke atas projek sepanjang tempoh projek dijalankan;
- (e) Menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (f) Menyediakan manual/SOP/dokumen penyelesaian serta latihan untuk hasil projek yang diserahkan kepada perusahaan sosial;
- (g) Memastikan kolaborasi yang berterusan dengan SE supaya pelaksanaan projek selaras dengan keperluan sasaran dan matlamat projek seperti yang ditetapkan dalam perjanjian dan dokumen projek; dan
- (h) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada SE dan KPT dengan mengisi Borang *Non-Disclosure Agreement*.

**Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Januari 2026**

LAMPIRAN

SENARAI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

1. IPT Awam

BIL.	INSTITUSI
1.	Universiti Malaya
2.	Universiti Putra Malaysia
3.	Universiti Sains Malaysia
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia
5.	Universiti Teknologi Malaysia
6.	Universiti Utara Malaysia
7.	Universiti Teknologi MARA
8.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
9.	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
10.	Universiti Malaysia Terengganu
11.	Universiti Malaysia Perlis
12.	Universiti Malaysia Sabah
13.	Universiti Malaysia Sarawak
14.	Universiti Pendidikan Sultan Idris
15.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
16.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
17.	Universiti Sultan Zainal Abidin
18.	Universiti Sains Islam Malaysia
19.	Universiti Malaysia Kelantan
20.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

2. IPT Swasta

BIL.	INSTITUSI
1.	Raffles University (RU)
2.	Universiti Metropolitan Asia
3.	Universiti Melaka (UNIMEL)
4.	MILA University
5.	Universiti Antarabangsa INTI
6.	Universiti Nilai (Nilai University)
7.	KPJ Healthcare University
8.	Asia e University (AeU)
9.	Binary University of Management and Entrepreneurship (BUME)
10.	City University
11.	Malaysia University of Science and Technology (MUST)
12.	Universiti MISI (MISI University)
13.	Management and Science University (MSU)
14.	Putra Business School (PBS)
15.	Sunway University
16.	UNITAR International University
17.	Universiti Sains dan Teknologi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur University of Science and Technology)
18.	Universiti Islam Malaysia
19.	Universiti MAHSA (MAHSA University)
20.	Universiti Multimedia, Kampus Cyberjaya (Multimedia University, Cyberjaya Campus)
21.	Universiti SEGi (SEGi University)
22.	Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya
23.	Universiti Taylor's (Taylor's University)
24.	Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT)
25.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kampus Putrajaya
26.	Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM)
27.	University Malaysia of Computer Science and Engineering (UNIMY)
28.	Universiti Cyberjaya (University of Cyberjaya (UoC))
29.	Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (Malaysian Cooperative Entrepreneurship University)
30.	Universiti Islam Selangor (UIS)

BIL.	INSTITUSI
31.	University of Wollongong Malaysia
32.	Al-Madinah International University (MEDIU)
33.	Asia Pacific University of Technology and Innovation
34.	Asia School Of Business (ASB)
35.	INCEIF University
36.	International Medical University (IMU)
37.	Universiti Malaya-Wales (UM-WALES)
38.	Meritus University
39.	Perdana University
40.	Universiti HELP
41.	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
42.	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
43.	Universiti UCSI (UCSI University)
44.	Universiti Geomatika Malaysia (University of Geomatika Malaysia)
45.	Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT)
46.	Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM)
47.	GlobalNxt University
48.	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
49.	Universiti AIMST (AIMST University)
50.	Universiti Antarabangsa Albukhary (Albukhary International University)
51.	Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
52.	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
53.	Quest International University
54.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
55.	Universiti Muhammadiyah Malaysia (UMAM)
56.	Universiti Terbuka Wawasan (Wawasan Open University)
57.	DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia
58.	Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)
59.	University College of Yayasan Pahang (UCYP University)
60.	Universiti UCSI (UCSI University) Kampus Terengganu
61.	Universiti Teknologi Sarawak (UTS)

BIL.	INSTITUSI
62.	Universiti UCSI, Kampus Sarawak (UCSI University, Sarawak Campus)
63.	Enforcement, Leadership and Management University (ELMU)
64.	Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
65.	Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed)
66.	University of Reading Malaysia
67.	University of Southampton Malaysia (UoSM)
68.	Monash University Malaysia (MUM)
69.	University of Nottingham Malaysia (UNM)
70.	Universiti Xiamen Malaysia (Xiamen University Malaysia)
71.	Heriot-Watt University Malaysia (HWUM)
72.	Royal College of Surgeons In Ireland And University College Dublin Malaysia Campus
73.	Swinburne University of Technology Sarawak Campus
74.	Curtin University, Malaysia
75.	University of Tsukuba, Malaysia

3. Politeknik

BIL.	POLITEKNIK
1.	Politeknik Ungku Omar Perak
2.	Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah
3.	Politeknik Ibrahim Sultan
4.	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
5.	Politeknik Sultan Azlan Shah
6.	Politeknik Kota Bharu
7.	Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah
8.	Politeknik Seberang Perai
9.	Politeknik Kuching Sarawak
10.	Politeknik Port Dickson
11.	Politeknik METrO Kuala Lumpur
12.	Politeknik METrO Johor Bharu
13.	Politeknik METrO Tasek Gelugor
14.	Politeknik METrO Kuantan
15.	Politeknik METrO Betong Sarawak

BIL.	POLITEKNIK
16.	Politeknik Merlimau
17.	Politeknik Tawau Sabah
18.	Politeknik Kota Kinabalu
19.	Politeknik Melaka
20.	Politeknik Kuala Terengganu
21.	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
22.	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
23.	Politeknik Sultan Idris Shah
24.	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
25.	Politeknik Muadzam Shah
26.	Politeknik Mukah
27.	Politeknik Balik Pulau
28.	Politeknik Jeli
29.	Politeknik Nilai
30.	Politeknik Banting
31.	Politeknik Mersing
32.	Politeknik Hulu Terengganu
33.	Politeknik Tunku Syed Nasir Syed Ismail
34.	Politeknik Sandakan Sabah
35.	Politeknik Besut Terengganu
36.	Politeknik Bagan Datuk

4. Kolej Komuniti


BIL.	Kolej Komuniti
1.	Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibu (KKSRCs)
2.	Kolej Komuniti Kuching (KKKG)
3.	Kolej Komuniti Mas Gading (KKMG)
4.	Kolej Komuniti Santubong (KKSANT)
5.	Kolej Komuniti Betong (KKB)
6.	Kolej Komuniti Miri (KKMS)
7.	Kolej Komuniti Sarikei (KKSAR)
8.	Kolej Komuniti Tawau (KKTS)
9.	Kolej Komuniti Lahad Datu (KKLD)
10.	Kolej Komuniti Semporna (KKSSP)
11.	Kolej Komuniti Sandakan (KKSDK)

BIL.	Kolej Komuniti
12.	Kolej Komuniti Tuaran (KKTU)
13.	Kolej Komuniti Kota Marudu (KKKMS)
14.	Kolej Komuniti Penampang (KKPPG)
15.	Kolej Komuniti Beaufort (KKBS)
16.	Kolej Komuniti Tambunan (KKTBS)
17.	Kolej Komuniti Papar (KKPPS)
18.	Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Kuala Nerus (KKKTCKN)
19.	Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Hulu Terengganu (KKKTCHT)
20.	Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT)
21.	Kolej Komuniti Kemaman (KKKMM)
22.	Kolej Komuniti Besut (KKBT)
23.	Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Setiu (KKKTCS)
24.	Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang (KKKLCS)
25.	Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB)
26.	Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHI)
27.	Kolej Komuniti Hulu Selangor (KKHS)
28.	Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL)
29.	Kolej Komuniti Selayang (KKSJ)
30.	Kolej Komuniti Tanjong Karang (KKTK)
31.	Kolej Komuniti Klang (KKKLG)
32.	Kolej Komuniti Shah Alam (KKSA)
33.	Kolej Komuniti Ampang (KKAS)
34.	Kolej Komuniti Kelana Jaya (KKKJS)
35.	Kolej Komuniti Arau (KKAP)
36.	Kolej Komuniti Arau Cawangan Kangar (KKAPCK)
37.	Kolej Komuniti Gerik Cawangan Lenggong (KKGPCL)
38.	Kolej Komuniti Teluk Intan (KKTi)
39.	Kolej Komuniti Chenderoh (KKCP)
40.	Kolej Komuniti Gerik (KKGP)
41.	Kolej Komuniti Sungai Siput (KKSS)
42.	Kolej Komuniti Pasir Salak (KKPS)
43.	Kolej Komuniti Batu Gajah (KKBG)
44.	Kolej Komuniti Taiping (KKTPG)
45.	Kolej Komuniti Manjung (KKMP)

BIL.	Kolej Komuniti
46.	Kolej Komuniti Kuala Kangsar (KKKK)
47.	Kolej Komuniti Tapah (KKT)
48.	Kolej Komuniti Gopeng (KKGPP)
49.	Kolej Komuniti Bagan Datuk (KKBGD)
50.	Kolej Komuniti Bagan Serai (KKBSE)
51.	Kolej Komuniti Bukit Mertajam (KKBM)
52.	Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB)
53.	Kolej Komuniti Bayan Baru (KKBU)
54.	Kolej Komuniti Nibong Tebal (KKNT)
55.	Kolej Komuniti Tasek Gelugor (KKTG)
56.	Kolej Komuniti Seberang Jaya (KKSJ)
57.	Kolej Komuniti Kuantan (KKKUA)
58.	Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB)
59.	Kolej Komuniti Temerloh (KKTM)
60.	Kolej Komuniti Rompin (KKRP)
61.	Kolej Komuniti Bentong (KKBEN)
62.	Kolej Komuniti Jerantut (KKJP)
63.	Kolej Komuniti Pekan (KKPP)
64.	Kolej Komuniti Lipis (KKLP)
65.	Kolej Komuniti Bera (KKBR)
66.	Kolej Komuniti Raub (KKR)
67.	Kolej Komuniti Paya Besar Cawangan Maran (KKPBCM)
68.	Kolej Komuniti Jempol (KKJNS)
69.	Kolej Komuniti Jelebu (KKJU)
70.	Kolej Komuniti Rembau (KKRB)
71.	Kolej Komuniti Tampin (KKTNS)
72.	Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP)
73.	Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBBM)
74.	Kolej Komuniti Jasin (KKJS)
75.	Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT)
76.	Kolej Komuniti Selandar (KKSL)
77.	Kolej Komuniti Kota Melaka (KKKM)
78.	Kolej Komuniti Tangga Batu (KKTB)
79.	Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang (KKPMCRP)
80.	Kolej Komuniti Pasir Mas (KKPM)
81.	Kolej Komuniti Kok Lanas (KKKLK)

BIL.	Kolej Komuniti
82.	Kolej Komuniti Jeli (KKJK)
83.	Kolej Komuniti Jeli Cawangan Tanah Merah (KKJKCTM)
84.	Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBDA)
85.	Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP)
86.	Kolej Komuniti Kulim (KKKU)
87.	Langkawi Tourism Academy (Lta)@ Kk Langkawi (LTA)
88.	Kolej Komuniti Padang Terap (KKPT)
89.	Kolej Komuniti Bandar Baharu (KKBB)
90.	Kolej Komuniti Jerai (KKJ)
91.	Kolej Komuniti Baling (KKBK)
92.	Kolej Komuniti Sik (KKSK)
93.	Kolej Komuniti Bandar Darulaman Cawangan Jerlun (KKBDACJ)
94.	Kolej Komuniti Segamat (KKS)
95.	Kolej Komuniti Ledang (KKLJ)
96.	Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP)
97.	Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2)
98.	Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG)
99.	Kolej Komuniti Batu Pahat (KKBPJ)
100.	Kolej Komuniti Tanjung Piai (KKTP)
101.	Kolej Komuniti Muar (KKMJ)
102.	Kolej Komuniti Pagoh (KKP)
103.	Kolej Komuniti Bandar Tenggara (KKBTJ)
104.	Kolej Komuniti Kluang (KKKJ)
105.	Kolej Komuniti Kota Tinggi (Kkktj)
106.	Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah (KKBPCGP)

CARTA ALIR PERMOHONAN DANA INOVASI SOSIAL





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

(BORANG PERMOHONAN BAGI DANA INOVASI SOSIAL)

A. Perincian Permohonan			
Tajuk Projek			
Nama Ketua Penyelidik			
No. Mykad			
Jawatan			
Status Perkhidmatan (Tetap/Kontrak)		Tarikh Tamat Perkhidmatan (bagi lantikan kontrak)	
Institusi			
No. Telefon Bimbit			
Alamat Emel			
Nama Perusahaan Sosial			
Kluster projek (sila rujuk senarai perusahaan sosial di laman web KUSKOP)			
Tempoh Projek			
Lokasi Projek			
Kos Projek (RM)			
Skop Projek	Sila tandakan yang berkaitan:		
	Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (<i>MySTIE-Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy</i>)		

A. Perincian Permohonan		
	Matlamat Pembangunan Mampan <i>(SDGs- Sustainable Development Goals)</i> Nyatakan SDG yang berkaitan.	
	Teras MADANI Nyatakan teras MADANI yang berkaitan.	

B. Ahli Kumpulan			
Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	Institusi

***Sila nyatakan cadangan Ketua Projek seterusnya (*Next appointed leader*)**

C. Ringkasan projek yang terdahulu (Tajuk, Ringkasan Dapatan, Sumber Geran)

D. Perusahaan Sosial (SE)

E. Projek
1. Ringkasan Eksekutif
2. Penyataan Masalah
3. Soalan Projek
4. Objektif Projek
5. Kajian Literatur
6. Kaedah Kajian
7. Rujukan
8. Jangkaan Hasil
9. Aktiviti projek dan Carta Gantt
10. Projek <i>Milestone</i>

F. Perincian *Deliverables* Inovasi Sosial (Sila Tandakan Yang Berkaitan)

Pemindahan pengetahuan atau teknologi kepada perusahaan sosial (SE)	
Pemindahan pengetahuan atau teknologi dari perusahaan sosial (SE) kepada komuniti sasaran	
Peningkatan produktiviti	
Peningkatan pendapatan komuniti sasaran	
Pewujudan peluang pekerjaan baharu	
Kelestarian alam sekitar	
Keterlihatan hasil projek melalui media sosial dan media massa	
Potensi keusahawanan	
Impak sosial kepada komuniti sasaran	

G. Bajet

Vot	Perincian	Amaun (RM)
Vot 11000 Gaji dan Upah		
Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan		
Vot 24000 Sewaan		
Vot 27000 Bahan & Bekalan Penyelidikan		
Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas		
Vot 35000 Aset		
JUMLAH RM		

H. Pengisytiharan (Sila tandakan [√])	
	Semua butiran yang diberikan dalam borang ini adalah tepat. Kementerian Pendidikan Tinggi berhak untuk menolak atau menawarkan tanpa notis terlebih dahulu jika terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat diberikan.
	Permohonan projek ini tidak dibiayai melalui dana atau geran daripada Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan yang lain.
	Projek yang dimohon ini adalah karya asli saya, tidak disalin daripada karya orang lain (terbit atau tidak diterbitkan) dan belum diserahkan untuk permohonan geran di tempat lain.
Ketua Penyelidik	
Tarikh	
Tandatangan	